



SIARAN MEDIA

JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL PENGGIAT SENI TANAH AIR DIPERTINGKAT

KUALA LUMPUR, 23 April 2024 – Kementerian Komunikasi (KK) melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menyediakan sokongan jaringan keselamatan sosial kepada penggiat seni tanah air.

MoU ini merupakan inisiatif kerajaan yang melibatkan faedah perubatan, hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, elauan layanan sentiasa, orang tanggungan, pengurusan jenazah, pemulihan dan pinjaman pendidikan.

Inisiatif ini akan memanfaatkan 4,500 penggiat seni dengan nilai caruman sebanyak RM232.80 setahun setiap seorang. 90 peratus nilai caruman ditanggung oleh pihak kerajaan.

Manakala untuk baki 10 peratus lagi kan ditaja oleh FINAS. Bermakna nilai tajaan buat 4,500 penggiat seni adalah sebanyak RM104,850.

MoU ini telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif FINAS, Dato' Azmir Saifuddin Mutalib dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed yang disaksikan oleh Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil serta Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong.

Turut hadir Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha KK, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Ketua Setiausaha KESUMA, Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud; Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal dan Pengerusi FINAS, Dato' Kamil Othman.

Dikeluarkan oleh:
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

LAMPIRAN

**SKOP KERJASAMA MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA FINAS DENGAN PERKESO**

BIL	SKOP KERJASAMA
1.	<p>Melaksanakan Aktiviti Promosi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) FINAS dan PERKESO akan bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti promosi SKSPS termasuk Skuad PERKESO prihatin, Karnival Kerjaya dan Peneraju Perkhidmatan Pekerjaan melalui aplikasi PERKESO iaitu MYFutureJobs.</p> <p>Aktiviti akan melibatkan <i>reskilling</i> dan <i>upskilling</i> dalam kalangan semua orang atau badan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai perlindungan keselamatan sosial di bawah Akta yang dikuatkuasakan oleh PERKESO termasuk faedah, pemulihan dan pencegahan.</p>
2.	<p>Menggalakkan Pendaftaran dan Penyertaan Usaha untuk menggalakkan pendaftaran dan meningkatkan penyertaan di bawah SKSPS oleh semua individu atau badan berkaitan dengan aktiviti perfileman pekerjaan sendiri dan persatuan-persatuan, demi memastikan liputan perlindungan yang berterusan.</p>
3.	<p>Perkongsian Data dan Pertukaran Maklumat FINAS dan PERKESO akan berkongsi data dan maklumat khususnya berkenaan senarai nama individu atau badan berkaitan dengan aktiviti perfileman pekerjaan sendiri bagi memudahkan proses pendaftaran serta pembayaran caruman.</p>
4.	<p>Prasyarat Daftar dan Carum SKSPS Menerusi kaedah pelesenan di bawah FINAS atau melalui punca kuasa yang boleh dilaksanakan.</p>
5.	<p>Pemudah Cara bagi Penyertaan SKSPS Langkah-langkah akan diambil kepada semua individu yang terlibat dalam aktiviti perfileman yang bekerja sendiri bagi membantu pelaksanaan SKSPS termasuk proses tuntutan faedah Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) sekiranya berlaku bencana pekerjaan sendiri.</p>